

Mustapa luang lebih masa di Kelantan

UM 15 APR 2002

Oleh MEOR HARMAN
MEOR SHAKRI

KOTA BHARU 14 April - Datuk Mustapa Mohamed berkata, beliau akan meluangkan lebih banyak masa di Kelantan dalam usahanya untuk menumpukan sepenuh perhatian kepada UMNO negeri ini. Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan itu berkata, usaha itu dibuat atas kehendak ahli-ahli UMNO Kelantan sendiri yang mahukan beliau meluangkan lebih banyak masa di negeri ini.

"Saya sudah memutuskan untuk meluangkan masa sekurang-kurangnya tiga hari di Kelantan selepas ini berbanding dua hari semasa sibuk dengan tugas sebagai Ketua Penerangan UMNO.

"Dengan itu saya dapat meluangkan lebih banyak masa untuk meninjau bahagian-bahagian UMNO dan juga melawat kepimpinan

dan ahli-ahli UMNO di semua peringkat akar umbi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan kepimpinan dan ahli-ahli UMNO Bahagian Pengkalan Chepa di pejabat parti itu di sini hari ini.

Lawatan bertemu para pemimpin dan ahli UMNO di bahagian itu adalah yang pertama dalam siri lawatannya ke bahagian-bahagian UMNO di negeri ini untuk menjelaskan isu peletakan jawatannya sebagai Ketua Penerangan UMNO.

Jumaat lalu, Mustapa mengumumkan meletakkan jawatan itu empat jam selepas beliau menyertai ketua-ketua bahagian UMNO Kelantan mengadakan pertemuan dengan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang melakukan lawatan sehari ke Kelantan.

Dalam perkembangan yang sama, menurut Mus-

tapa, beliau sedang menyusun strategi lebih mantap iaitu menggabungkan kelebihan ketua-ketua bahagian UMNO dalam mencari pendekatan baru untuk menarik sokongan rakyat terhadap perjuangan UMNO Kelantan.

"Kita ada 14 bahagian di Kelantan dan antara kita ada kelemahan dan kekuatan. Apa yang boleh kita buat ialah dengan mencantumkan kekuatan ini untuk membawa kejayaan lebih besar. Ini tentunya memerlukan pengurusan lebih cekap," ujarnya.

Menurut Mustapa, beliau memerlukan bantuan semua bahagian UMNO termasuk ketua-ketua bahagian kerana beliau tidak mungkin dapat melakukan secara seorang diri.

Kepada soalannya mengenai pendapatnya bahawa tindakannya melepaskan jawatan Ketua Penerangan UMNO kerana menganggap per-

juangan UMNO di Kelantan lebih penting.

"Jawatan tidak penting, yang penting ialah kita berkhidmat dengan ikhlas dan untuk berkhidmat kita tidak perlukan jawatan. Jadi itu pendirian saya, yang kedua ialah kerana perjuangan UMNO Kelantan lebih penting daripada Ketua Penerangan UMNO.

"Saya rasa tindakan itu bukan satu kerugian malah kalau kita kena cara ia boleh jadikan satu kelebihan kepada kita. Kalau kuat di Kelantan sudah pasti Pas akan tergugat di seluruh negara keranainilah lubuknya (Kelantan)," tegasnya.

Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata, peristiwa peletakan jawatannya sudah berlalu dan mahu ahli UMNO agar melihat ke depan dan bekerja lebih kuat untuk menawan semula Kelantan daripada Pas.